

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9384**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah ramai rakyat yang dilahirkan sebelum merdeka yang masih belum mendapat taraf warganegara, bilangan pemastautin tetap dan orang tanpa kerakyatan Negara ini (*stateless*) pada masa sekarang dan bagaimana mereka akan dibantu untuk membolehkan mereka menjadi warganegara.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Seperti mana yang diperuntukkan di bawah Perkara 16, Perlembagaan Persekutuan, mana-mana individu yang lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka (31 Ogos 1957) boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran. Dalam hal ini, dari tahun 2000 sehingga 30 September 2016, JPN telah menerima sebanyak 10,888 permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 16, Perlembagaan Persekutuan. Dalam tempoh tersebut juga, seramai 7,422 orang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara ini.**

**Berhubung dengan bilangan pemastautin tetap di Malaysia, sehingga 30 September 2016, JPN telah merekodkan seramai 227,430 orang pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR). Pengeluaran MyPR adalah berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Pemegang MyPR bukanlah warganegara Malaysia dan mereka telah memasuki negara ini melalui dokumen perjalanan negara asal yang sah dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.**

**Untuk makluman, JPN tidak menyimpan rekod bagi individu yang tiada taraf kewarganegaraan (*stateless*) atau individu yang tiada dokumen. Perlu difahami bahawa istilah *stateless* secara umumnya adalah merujuk kepada seseorang yang pada masa ini tidak**

**bernegara iaitu beliau tidak memiliki kewarganegaraan mana-mana negara di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, sepatutnya di Malaysia tiada mereka yang berstatus *stateless*.**

**Kementerian ini ingin menegaskan bahawa penganugerahan kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Justeru, bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara, Kerajaan perlu membuat penelitian yang terperinci bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar berkeelayakan dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia, mempunyai asimilasi yang baik dengan budaya dan penduduk tempatan, mempunyai sumbangan yang signifikan kepada negara dan menumpahkan segala taat setia ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.**

**Dalam hal ini, bagi memastikan penduduk yang layak mempunyai akses untuk mengemukakan permohonan kewarganegaraan kepada JPN, Kerajaan telah melaksanakan Program *Outreach* iaitu program turun padang bagi mendekati pemohon. Selain itu, syarat permohonan kewarganegaraan yang menetapkan supaya pemohon mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang asas atau memadai telah dipermudahkan dengan mengecualikan ujian bertulis kepada pemohon yang berumur lebih 50 tahun.**